

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : ONLINE

TARIKH : 08 MEI 2023

HARI : ISNIN

SENTIMEN : POSITIF



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BH KAPSUL SUKANSEA 2023

## PTPTN mahu perhebat budaya menabung untuk pendidikan



Oleh Muhammad Yusri Muzamir - Mei 8, 2023 @ 5:32pm  
yusri.muzamir@bh.com.my



Mohammad Yusof Apdal (belakang, empat dari kiri) dan Ahmad Dasuki Abdul Majid (belakang, tiga dari kiri) menyantuni dan menyampaikan sumbangan akaun Simpan

KUALA LUMPUR: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kini merangka pelan transformasi bagi memperhebat budaya menabung dalam kalangan rakyat negara untuk menampung perbelanjaan bagi pengajian tinggi.

Ia antara lain bagi mengurangkan tahap kebergantungan masyarakat terhadap pinjaman pendidikan yang akhirnya menyebabkan masa depan golongan muda terbelenggu dengan beban hutang selepas tamat pengajian.

Sehubungan itu, PTPTN mengajak semua pihak untuk meneroka pelbagai kerjasama bersepadu bagi memastikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) menjadi pilihan utama untuk pemberian sumbangan dalam memartabatkan sektor pendidikan tinggi.

PTPTN berkata, mereka komited untuk memastikan masyarakat sentiasa mengutamakan perancangan kewangan bagi kelangsungan pendidikan tinggi anak masing-masing, berbanding hanya bergantung kepada pinjaman.

"Ia sekali gus akan membantu meningkatkan kesedaran budaya menabung bagi tujuan pendidikan tinggi. Simpan SSPN adalah produk yang menyediakan pelbagai keistimewaan dan manfaat kepada masyarakat.

"Antara kelebihannya ialah kadar dividen kompetitif, pelepasan taksiran cukai pendapatan ke atas simpanan bersih hingga RM8,000 setahun, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, perlindungan takaful secara percuma dan simpanan dijamin kerajaan serta patuh syariah," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Simpan SSPN turut menawarkan pelbagai kempen menarik, antaranya Kempen Cabutan WOW! Syoknya Raya untuk pendeposit Simpan SSPN yang sedang berlangsung mulai 1 Mac hingga 31 Mei ini.

Hadiah wang tunai berjumlah hampir RM50,000 menanti 23 pemenang. Pembukaan akaun dan penambahan simpanan boleh dibuat melalui aplikasi myPTPTN dengan mudah, cepat dan selamat.

Sementara itu, PTPTN berkata, agensi itu sentiasa cakna dan prihatin dalam menyalurkan sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk kebajikan dan kesejahteraan masyarakat.

Sehubungan itu, sumbangan bernilai RM10,000 diagihkan dalam bentuk akaun Simpanan SSPN Prime kepada 20 pelajar istimewa, masing-masing 10 dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universiti Malaya (UM).

Sumbangan itu adalah antara bentuk kerjasama strategik selepas PTPTN memeterai memorandum persefahaman bersama UIAM dan UM, selain ia disifatkan sebagai simbolik keprihatinan agensi itu dalam aspek pendidikan.

Ia diserahkan pada Majlis Mesra Bersama Pelanggan 2023 yang turut dihadiri Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mohammad Yusof Apdal dan Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid, hari ini.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1098651/ptptn-mahu-perhebat-budaya-menabung-untuk-pendidikan>